



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Projek Komuniti JPK SKL @ Kompleks Perkhidmatan Warga Emas Bintulu

Penulis: Ikhwan Naguib Jusoh

BINTULU: Tanggal 10 Jun 2023 telah berlangsung dengan jayanya *Projek Komuniti* anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala (JPK SKL) bertempat di Pusat Perkhidmatan Warga Emas, Bintulu. Program ini berlangsung selama sehari yang melibatkan 16 orang ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala dan seorang penasihat program sebagai pegawai pengiring.

Antara objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar mengenai kepentingan projek mendekati komuniti setempat dan menerapkan nilai-nilai murni serta mengasihi warga tua dalam diri pelajar yang terlibat. Program ini secara tidak langsung dapat melahirkan para pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, bahkan juga memperkasa akhlak budi pekerti.



Para pelajar juga mengambil kesempatan untuk mendekati warga emas di pusat tersebut dan mendapat reaksi yang positif bahawa mereka ingin melakukan kerjasama dengan UiTM Mukah untuk program-program yang akan dilaksanakan di kampus kelak. Selain itu, kutipan sumbangan ikhlas daripada warga kampus UiTM Mukah telah disampaikan oleh Encik Ikhwan Naguib bin Jusoh kepada wakil pusat tersebut.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan bersama warga emas di pusat tersebut, antaranya ceramah-ceramah daripada warga emas mengenai pengalaman hidup yang dikongsi sebagai pengajaran kepada para pelajar. Sesi soal jawab dijalankan antara pengurus pusat tersebut dengan para pelajar dan secara tidak langsung banyak input yang diperolehi mengenai pusat tersebut.

Program ini diselaras oleh Encik Ikhwan Naguib bin Jusoh sebagai Penasihat Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala. Ucapan tahniah kepada ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala atas penganjuran program ini. Diharap daripada pelaksanaan program ini dapat diteruskan lagi untuk masa-masa yang akan datang.